

D609

B B668 AAB
MAHATHIR - PERUTUSAN RRR

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS DIRAJA MALAYSIA SUPAYA TERUS MEMPERTINGKATKAN DISIPLIN, MUTU PERKHIDMATAN DAN KECEKAPAN MASING-MASING.

IA SELARAS DENGAN MATLAMAT UNTUK MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH, KATANYA DALAM PERUTUSAN SEMPENA HARI POLIS KE-181 ESOK.

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, POLIS MEMERLUKAN KERJASAMA ORANG RAMAI DALAM MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN KETIKA MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWABNYA.

OLEH ITU, KATANYA, POLIS DAN ORANG RAMAI PERLU MEMBENTUK PERSEFAHAMAN YANG JITU BAGI MEMBINA MASYARAKAT DAN NEGARA YANG BERSATU PADU, AMAN DAN MAKMUR.

+SAYA PERCAYA ORANG RAMAI AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN, KERJASAMA DAN KEYAKINAN MEREKA KEPADA PASUKAN POLIS,+ KATA BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI. -- LAGI

1643MST 24 03 88

D610

B B669 AAB
MAHATHIR - PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR RRR

MENGENAI TEMA HARI POLIS TAHUN INI -- +KESETIAAN KEPADA PROFESION+ KATANYA, KESETIAAN KEPADA PROFESION JUGA BERMAKNA KESETIAAN KEPADA PASUKAN.

+KESETIAAN KEPADA PASUKAN AMATLAH PENTING KERANA SEMANGAT INI JIKA TELAH TEBAL DISEMAI DALAM SANUBARI, KITA AKAN SANGGUP BERKORBAN, WALAU NYAWA SEKALIPUN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, BELIAU BERBANGGA KERANA PASUKAN POLIS TERUS MEMPERLIHATKAN KEMAMPUANNYA SEBAGAI PENGUATKUASA UTAMA UNDANG-UNDANG NEGARA, DISAMPING MEMBANTU MEMELIHARA KETAHANAN NASIONAL.

+SESUNGGUHNYA SEGALA JASA, SUMBANGAN DAN KHIDMAT BAKTI SETIAP PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS AKAN TETAP DIKENANG DAN DISANJUNG TINGGI OLEH RAKYAT,+ KATANYA.

DALAM PERUTUSANNYA, KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR BERKATA, PASUKAN POLIS MEMERLUKAN PEGAWAI DAN ANGGOTA YANG SETIA KEPADA PASUKAN HINGGA +MELETAKKAN KEPENTINGAN PASUKAN DI TEMPAT TERATAS+. -- LAGI

1645MST 24 03 88

D611

B B670 AAB
MAHATHIR - PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR RRR

+KESETIAAN KEPADA PROFESION+ MENURUTNYA, AKAN DISEMARAKKAN DI KALANGAN SETIAP PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS BAGI MENINGKATKAN DISIPLIN PASUKAN POLIS PADA KESELURUHANNYA.

BELIAU JUGA BERKATA, KERJASAMA DAN KEYAKINAN MASYARAKAT DIPERLUKAN BAGI MEMBINA PASUKAN POLIS YANG BERWIBAWA DAN PROFESIONAL, SERTA BERHARAP POLIS DAN MASYARAKAT DAPAT MEMUPUK PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT PADA MASA DEPAN.

BAGI PIHAK PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS, TAN SRI HANIFF SETERUSNYA BERIKRAR AKAN MEMBERIKAN KESETIAAN YANG TIDAK BERBELAH BAGI KEPADA RAJA DAN NEGARA.

+KAMI JUGA BERTEKAD UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KAMI DENGAN PENUH DEDIKASI, ADIL, SAKSAMA DAN BERDISIPLIN SERTA BERAZAM UNTUK TERUS MENDAULATKAN UNDANG-UNDANG SERTA MENJAGA KEAMANAN, KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN NEGARA,+ KATANYA. -- BERNAMA
1646MST 24 03 88